



Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)

Mohd Nasir Selamat, Fauziah Ibrahim, Salina Nen, Norulhuda Sarnon, Nasrudin Subhi, Azianura Hani Shaari, Shahrul Nazmi Sannusi, Zaizul Ab Rahman

Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Nasir Selamat (email: md_nasir@ukm.edu.my)

Abstrak

Keselamatan dan kesihatan merupakan aspek penting dalam kehidupan seharian agar proses hidup masyarakat lebih terjamin dan berkualiti terutama di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). Penafian kepentingan aspek ini akan memberi kesan buruk kepada masyarakat termasuk golongan remaja yang masih dalam proses awal perkembangan hidup. Masalah seperti gejala ponteng sekolah, kecurian, isu lepak, jenayah pelbagai, mengambil bahan terlarang dan gangguan kemudahan awam boleh berlaku sekiranya aspek keselamatan dan persekitaran tidak diberi perhatian sewajarnya. Melihat kepentingan isu tersebut, kajian dijalankan untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi keselamatan persekitaran dalam kalangan remaja di PPR. Kajian melibatkan komuniti remaja yang menetap di kawasan PPR di sekitar Lembah Klang. Sejumlah 244 orang remaja yang berumur dalam lingkungan 11 hingga 24 tahun terlibat dalam kajian ini. Penganalisaan data dilakukan menggunakan ujian deskriptif dan analisis regresi pelbagai secara *stepwise*. Kajian mendapati lima faktor yang mempengaruhi keselamatan persekitaran dalam kalangan remaja di PPR iaitu kesihatan diri, hubungan kejiranan, penggunaan media sosial, hubungan keluarga dan semangat cintakan Malaysia. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa faktor kesihatan diri merupakan petunjuk utama yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang menetap di PPR. Kombinasi kelima-lima faktor tersebut telah menyumbang sebanyak 39.6% varians terhadap keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR. Hasil kajian memberi implikasi positif kepada pihak yang berkepentingan dalam usaha menyediakan pelan strategik yang komprehensif untuk menambahbaik program keselamatan dan kesihatan dalam kalangan remaja di Malaysia.

Kata kunci: hubungan kejiranan, keselamatan persekitaran perumahan, kesihatan diri remaja, semangat cintakan Malaysia, semangat perpaduan, tingkah laku prososial

Security of housing environment among adolescence living in low cost housing area

Abstract

Safety and health are important aspects of everyday life in order to ensure a more secure and better quality of life in the people's housing area (PPR). Denial of the importance of this aspect will have an adverse impact on society including the young people who are still in the early stages of life's development. Problems such as truancy, theft, loitering issues, petty crimes, substances abuse and vandalism of public utilities may occur if the security and environment aspects lacked proper attention. Due to the significance of the issue, a study was conducted to identify key factors affecting the safety of the environment among adolescences in PPR. This study involves a total of 244 adolescent aged 11-25 years old living in PPR communities around the Klang Valley. Data analysis methods used includes descriptive and multiple stepwise regression analysis. The study found five factors that affect the security of the environment among adolescents in PPR namely self health, neighborhood relationships, social media usage, family ties and love for Malaysia. The results of this study show that the health factor is a key indicator that affects the security of housing environment among adolescents who live in PPR. The combination of these five factors has contributed 39.6% variance to the security of the housing environment among adolescents living in PPR. The findings provide positive implication toward the stakeholders in the effort to provide a comprehensive strategic plan to improve safety and health programs amongst the teenagers in Malaysia.

Keywords: neighbourhood, security of housing environment, adolescent health, love Malaysia spirit, solidarity spirit, prosocial behavior

Pengenalan

Keselamatan persekitaran perumahan merupakan perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam menjamin kesejahteraan penduduk (Azita et al., 2015). Keselamatan didefinisikan sebagai keadaan persekitaran yang terpelihara daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya sesuatu kemalangan (Abdullah, 2011). Manakala Suzilynda (2008) berpendapat keselamatan perumahan meliputi rumah yang berkemampuan untuk menyediakan peluang bersendirian, bersosialisasi dan privasi dalam lingkungan masyarakat dan tidak tersisih agar rumah boleh berfungsi dalam institusi masyarakat.

Vera-Toscano dan Esperanza (2008) berpandangan bahawa perumahan yang sempurna akan memberi kesan positif kepada penghuni yang menduduki perumahan tersebut manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberi kesan negatif kepada kehidupan dan kesejahteraan penghuni tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Shahrudin et al. (2017) mendapati bahawa ancaman keselamatan seperti pecah rumah dan ragut kerap kali berlaku di kawasan "kampung bandar". Kejadian pecah rumah dan ragut tersebut telah menjadikan kesejahteraan hidup penduduk "kampung bandar" terjejas. Penduduk yang terlibat dengan kajian berkenaan mendakwa bahawa kejadian pecah rumah dan ragut telah mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup mereka.

Hasil kajian yang dilakukan terhadap kekerapan berlakunya masalah pecah rumah dan ragut mendapati 66.7% penduduk "kampung bandar" mengakui masalah pecah rumah kerap

berlaku di kawasan mereka, manakala 58.3% lagi menyatakan kejadian ragut kerap berlaku di kawasan “kampung bandar”. Keadaan tersebut dilihat telah mendatangkan trauma kepada penduduk “kampung bandar” dan menggugat kesejahteraan hidup mereka. Apabila perasaan susah hati, sering berasa tidak selamat, takut dan berwaspada, keadaan tersebut menunjukkan tahap kesejahteraan hidup sebenar penduduk. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Asmah (2005) yang mendapati kesejahteraan tidak akan wujud apabila masyarakat merasakan bahawa mereka berada dalam keadaan yang susah, sukar, tertekan, berasa tidak selamat, sentiasa curiga dan tidak berpuas hati.

Menurut Paris dan Kangari (2005) individu yang tinggal di kawasan perumahan bertingkat mementingkan faktor keselamatan dan keamanan. Keselamatan melibatkan aspek seperti penghuni mendapat perlindungan daripada jenayah yang mungkin berlaku (Ramdane & Abdullah, 2000), mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan (Abdul Hakim et al., 2006) dan menjaga keselamatan penghuni daripada kebakaran dan kemalangan (Kangjuan & Wei, 2010; Kellekci & Berkoz, 2006). Manakala Atkin dan Brooks (2009) mengatakan bahawa keselamatan perlu dititikberatkan agar bangunan dan kemudahan yang disediakan dapat dinikmati oleh penduduk. Begitulah, perlindungan diri dan harta merupakan perhatian utama oleh mana-mana individu atau organisasi. Rohayu (2014) turut mendapati faktor keselamatan diberi tumpuan oleh penghuni perumahan bertingkat kos rendah. Antara beberapa aspek penting dalam keselamatan dan keamanan perumahan bertingkat ialah aspek kebisingan, keselamatan jenayah, vandalisme, keselamatan parkir dan kawalan oleh pengawal keselamatan (Weidemann et al., 1982), keselamatan di waktu malam (Paris & Kangari, 2005) dan prestasi pengawal dan rondaan (Lai & Yik, 2011).

Melihat kepentingan isu tersebut, kajian empirikal dijalankan untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di PPR. Kajian ini dilihat mampu memberi sumbangan secara praktikal, mahupun secara akademik dalam usaha penambahbaikan bidang ini.

Kajian literatur

Dalam kajian ini, keselamatan persekitaran perumahan merujuk kepada perasaan atau rasa selamat apabila berada di persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR. Perasaan ini dinilai berdasarkan persekitaran perumahan yang mereka tinggal dan juga hubungan sosial yang terlibat dengan aktiviti harian mereka. Selain itu, dalam kajian ini juga menilai beberapa faktor yang boleh mempengaruhi aspek keselamatan persekitaran perumahan iaitu kesihatan diri, hubungan kejiranan, penggunaan media sosial, hubungan kekeluargaan dan semangat cintakan Malaysia. Berikut adalah definisi yang digunakan dalam kajian ini:

- i. Hubungan keluarga - merujuk kepada pengetahuan keluarga tentang aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak, ikatan dan hubungan kekeluargaan dalam kalangan remaja PPR.
- ii. Hubungan kejiranan - merujuk kepada pengetahuan jiran tentang aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak disekeliling kawasan perumahan mereka, ikatan dan hubungan kejiranan dalam kalangan remaja PPR.
- iii. Penggunaan media sosial - merujuk kepada aktiviti dan peruntukan masa yang digunakan di media sosial dan kepercayaan terhadap maklumat yang dipaparkan di media sosial dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR.

- iv. Semangat cintakan Malaysia - merujuk kepada perasaan sanggup berkorban, menghargai jasa-jasa pemimpin terdahulu dan kesetiaan kepada negara dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR.
- v. Kesihatan diri - merujuk kepada perasaan gembira, rasa cergas, bersemangat, sihat dan tidak berada dalam keadaan tertekan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR.

Permasalahan sosial akan mendorong individu untuk melakukan aktiviti jenayah. Teori Perlambatan (*Labeling Theory*) oleh Brown (2007) menjelaskan bahawa jenayah boleh dilakukan oleh seseorang individu yang tidak selesa dan sesuai dengan keadaan perumahan yang didiaminya sehingga berlaku konflik antara kelompok komuniti tersebut. Hal ini boleh berkait dengan golongan remaja yang tidak selesa dengan persekitaran perumahan mereka sehingga memberi tekanan dan mendedahkan mereka melakukan aktiviti tidak bermoral. Disokong dengan teori Struktur Sosial (dalam konteks jenayah) yang menjelaskan bahawa tingkah laku jenayah berlaku akibat daripada tekanan sosial dan kelemahan struktur sosial tersebut (Brown et al., 2007; Conklin, 2007). Keadaan ini boleh dirujuk dengan keadaan persekitaran perumahan yang tidak menjamin struktur sosial yang berkesan seperti hubungan kejiwaan yang lemah, hubungan kekeluargaan yang tidak rapat dan sempurna. Oleh itu, golongan remaja ini akan lebih mudah terdedah dengan kemungkinan masalah sosial dan jenayah apabila mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah mereka gagal mengawal emosi mereka.

Namun, menurut Cohen dan Felson (1979), dalam teori aktiviti harian, komuniti atau masyarakat setempat dapat mengubah sasaran mangsa aktiviti jenayah dengan kewujudan pengawal yang bertanggungjawab menjaga persekitaran kawasan perumahan. Terdapat tiga faktor untuk mengelakkan aktiviti jenayah daripada terus berlaku dalam kawasan perumahan iaitu (i) memastikan rumah dan barangan berharga dalam keadaan terjaga dan selamat; (ii) mengadakan pengawalan yang kerap seperti adanya pemantauan daripada kejiwaan, polis dan sebagainya dan (iii) memastikan golongan yang mudah terdedah melakukan jenayah (remaja) tidak terus terjerumus dengan aktiviti tidak bermoral ini. Oleh itu, sistem sosial perumahan perlu sentiasa dipelihara dan menekankan aspek keselesaan dan kesejahteraan sejagat. Akhirnya, kegiatan jenayah dan masalah tingkah laku tidak sosial dan tidak bermoral dapat dielakkan seterusnya menjamin keharmonian kawasan perumahan.

Berdasarkan statistik, berlakunya peningkatan masalah tingkah laku sosial dalam kalangan remaja. Menurut laporan yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada tahun 2012 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 4,116 kes (Kosmo, 2014; Berita Harian, 2014). Lebih memburukkan keadaan, keterlibatan pelajar sekolah dalam aktiviti jenayah juga meningkat sebanyak 57 peratus apabila 1,632 kes dicatatkan pada tahun lalu berbanding dengan 1,042 kes pada tahun 2012. (Kosmo, 2014; Berita Harian, 2014). Selain itu, kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di Malaysia sepanjang dua dekad lalu meningkat daripada 0.9 pada tahun 1994 kepada 8.3 peratus pada 2012. Data ini diperolehi melalui kajian yang dilakukan oleh Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkaitan kelakuan sumbang dilakukan remaja sebelum nikah bermula pada tahun 1994 hingga 2012. Melihat dengan lebih luas, laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bermula 2005 hingga 2011 juga menunjukkan Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun. Jelas menunjukkan golongan remaja ini lebih mudah terdedah dengan masalah-masalah yang boleh menjejaskan masa depan mereka. Oleh itu, pelbagai faktor boleh menjadi penyebab kepada berlakunya peningkatan kes-kes masalah remaja ini.

Kajian terkini dalam kalangan remaja mendapati faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial adalah signifikan dan menjadi penyumbang utama kepada masalah pengambilan dadah dalam kalangan remaja. Faktor persekitaran sosial didapati amat penting dalam memahami keterlibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah dan perlu diberi perhatian dalam merangka dan membina program pencegahan (Fergusson et al., 2006; Rozmi et al., 2017). Kajian oleh Azyyati et al. (2013) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) juga mendapati bahawa golongan remaja di Malaysia yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran adalah lebih terdedah dengan kelakuan jenayah dan aktiviti tidak bermoral.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Mannes et al. (2005) melaporkan bahawa generasi muda yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku antisosial berbanding generasi muda yang lain. Kebanyakan mereka juga didapati terdedah dengan keadaan persekitaran yang kurang kondusif dan memberi implikasi negatif terhadap perkembangan dan kesejahteraan diri mereka. Pandangan daripada Azizi dan Mohd Sofie (2010) serta Rafidah dan Izyan (2017) menyatakan bahawa generasi muda berumur dalam lingkungan 15 hingga 30 tahun lebih banyak terdedah dengan aktiviti berisiko seperti menonton bahan lucah, merokok, berjudi, vandalisme, dan meminum arak dan merupakan antara aktiviti terbanyak dilakukan dalam kalangan remaja. Kepadatan penduduk di kawasan perumahan tersebut juga dilihat boleh mempengaruhi kesejahteraan diri khususnya dalam kalangan komuniti remaja.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa tindakan sewajarnya perlu diperluas dan dilakukan segera dalam usaha mengenal pasti pola perkembangan dengan memberi fokus kepada kesejahteraan diri komuniti remaja yang tinggal di PPR.

Metod kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan keratan rentas secara kuantitatif dengan melibatkan seramai 244 remaja sebagai responden. Keterlibatan responden ini adalah sebahagian daripada populasi remaja yang tinggal di PPR sekitar Lembah Klang. Proses mendapatkan data daripada responden adalah melalui kaedah pengedaran borong soal selidik oleh pengkaji dan panduan pengisian borang soal selidik turut dibantu oleh pengkaji untuk setiap responden yang terpilih.

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada komuniti remaja B40 yang sedang menetap di kawasan perumahan rakyat di sekitar Lembah Klang. Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan kawasan perumahan yang dikhususkan untuk golongan yang berpendapatan rendah. Jumlah sampel komuniti remaja yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah sejumlah 244 orang remaja berumur dalam lingkungan 11-24 tahun. Persampelan rawak bertujuan digunakan untuk memilih 244 orang remaja dengan pecahan seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Lokasi dan jumlah sampel kajian

| Lokasi Kajian | Jumlah Sampel |
|-------------------------------|---------------|
| Perumahan Rakyat, Desa Rejang | 80 orang |
| Perumahan Rakyat, Pantai Ria | 80 orang |
| Perumahan Rakyat Seri Pantai | 84 orang |

Merujuk buku panduan yang dikeluarkan oleh *Student Partnership Worldwide / DFID-CSO Youth Working Group* (2010), remaja didefinisikan sebagai individu yang berada dalam kelompok usia antara 15 hingga 24 tahun. Manakala menurut UNICEF (2011), remaja merupakan individu yang mengalami perubahan kematangan daripada aspek kognitif, emosi, dan juga fizikal. Memandangkan remaja akan menempuh satu tahap transaksi perubahan daripada aspek fizikal, emosi, kognitif dan juga sosial dalam perkembangan kehidupannya sebagai remaja, maka suatu kajian yang memberi fokus untuk mengenalpasti pola perkembangan hidup mereka khususnya yang tinggal di PPR adalah diperlukan.

Data kajian dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan analisis regresi pelbagai secara *stepwise*. Penganalisan data dilakukan menggunakan *Statistical package for the Social Science (SPSS) for Windows*.

Instrumen kajian

Instrumen kajian dibangunkan mengikut kesesuaian dan aspek yang ingin dikaji. Pelbagai proses telah diambil kira dalam memastikan instrumen ini memenuhi kriteria dan kesahan penyelidikan. Ujian rintis dilakukan untuk menguji kesesuaian dan kefahaman responden terhadap item-item yang digunakan dalam soal selidik. Kajian ini juga menggunakan likert empat skala dan pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

Jadual 2. Pemboleh ubah kajian dan nilai kebolehppercayaan item kajian

| Pemboleh ubah | Jumlah item | Nilai kebolehppercayaan |
|--|--------------------|--------------------------------|
| Keselamatan Persekitaran Perumahan (KPP) | 4 | 0.607 |
| Semangat Perpaduan (SP) | 4 | 0.824 |
| Kesihatan Diri (KD) | 6 | 0.736 |
| Penggunaan Media Sosial (PMS) | 4 | 0.757 |
| Hubungan Kejiranan (HK) | 6 | 0.762 |
| Semangat Cintakan Malaysia (SCM) | 5 | 0.862 |

Pemboleh ubah Keselamatan Persekitaran Perumahan (KPP) mengandungi empat soalan yang berkaitan dengan persepsi keselamatan di tempat kediaman dalam kalangan remaja di PPR. Antara contoh item termasuk 'Saya berasa selesa dengan keadaan rumah saya' dan 'Saya rasa selamat tinggal di kawasan perumahan saya'. Nilai kebolehppercayaan untuk pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian iaitu 0.607. Seterusnya, bagi pemboleh ubah Semangat Perpaduan (SP): mengandungi empat soalan berkaitan dengan semangat perpaduan dalam kalangan remaja di PPR. Antara item yang digunakan termasuklah 'Saya dan jiran-jiran saling hormat menghormati antara satu sama lain' dan 'Saya berasa gembira berkawan dengan rakan yang berlainan bangsa'. Nilai kebolehppercayaan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.824. Bagi pemboleh ubah Kesihatan Diri (KD): mengandungi enam soalan berkaitan dengan kesihatan diri remaja di PPR. Antara item yang digunakan termasuklah 'Saya rasa diri saya sihat' dan 'Saya rasa gembira dengan kehidupan saya di sini'. Nilai kebolehppercayaan untuk pemboleh ubah tersebut adalah 0.736.

Selain itu, bagi pemboleh ubah Tingkah Laku Prososial (TLP): mengandungi empat soalan berkaitan dengan sokongan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja di PPR. Nilai kebolehppercayaan pemboleh ubah tersebut adalah 0.757. Antara item yang digunakan ialah 'Saya suka membuat sesuatu tanpa disuruh' dan 'saya sanggup berkorban untuk melihat orang lain gembira'. Merujuk kepada pemboleh ubah seterusnya iaitu Hubungan Kejiranan

HK): mengandungi enam soalan berkaitan dengan hubungan kejinanan dalam kalangan remaja dengan nilai kebolehppercayaan untuk pemboleh ubah tersebut adalah 0.762. Antara aspek yang dinilai ialah 'Jiran tahu aktiviti harian yang saya lakukan' dan 'Saya tidak rapat dengan jiran-jiran sekeliling saya'. Seterusnya, pemboleh ubah terakhir ialah Semangat Cintakan Malaysia (SCM): mengandungi lima soalan berkaitan dengan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan remaja di PPR, dengan nilai kebolehppercayaan adalah 0.862. Antara item yang digunakan termasuklah 'Saya cintakan tanahair Malaysia' dan 'Saya setia kepada negara'. Kesemua item adalah berbahasa Melayu bagi memudahkan pemahaman responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan.

Analisis data

Analisis deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah. Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk mencapai objektif pertama kajian yang ditetapkan. Seterusnya, regresi pelbagai (*multiple regressions*) digunakan untuk mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor (pemboleh ubah bebas) yang menyumbang kepada perubahan dalam suatu pemboleh ubah bersandar (Chua, 2012). Dalam kajian ini, analisis regresi pelbagai dengan menggunakan kaedah *stepwise* digunakan untuk mengukur objektif kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR di Malaysia. Menurut Diekhoff (1992), kaedah *stepwise* mempunyai kelebihan berbanding dengan regresi pelbagai lain kerana melalui kaedah ini, hanya pembolehubah peramal yang signifikan akan dimasukkan ke dalam regresi. Kelebihan yang kedua ialah regresi pelbagai *stepwise* dapat mengelakkan masalah *multicollinearity* yang wujud akibat korelasi yang kuat antara pemboleh-pemboleh ubah peramal. Korelasi ini tidak bermakna dan ia menyebabkan analisis menjadi kurang tepat (Diekhoff, 1992). Masalah ini dapat di atasi melalui analisis regresi pelbagai *stepwise* kerana pemboleh-pemboleh ubah yang bermasalah ini tidak akan dimasukkan ke dalam regresi.

Hasil kajian dan perbincangan

Tahap keselamatan persekitaran perumahan remaja PPR

Berdasarkan analisis kajian terhadap keselamatan persekitaran perumahan remaja yang tinggal di PPR, kajian mendapati secara keseluruhannya remaja yang tinggal di PPR menunjukkan tahap keselamatan persekitaran perumahan yang sederhana (59.0%) ke tahap tinggi (36.9%). Hanya 4.1% sahaja remaja PPR yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap keselamatan persekitaran perumahan yang rendah dan perlu dipertingkatkan.

Jadual 3. Tahap keselamatan persekitaran perumahan remaja PPR

| Tahap | Bilangan (n=244) | Peratus (%) | Min |
|-----------|------------------|-------------|------|
| Rendah | 10 | 4.1 | |
| Sederhana | 144 | 59.0 | 2.96 |
| Tinggi | 90 | 36.9 | |

Selain itu, kajian menunjukkan majoriti remaja yang tinggal di PPR mengakui bahawa mereka merasa selesa dengan keadaan rumah mereka (83.2% - item 1). Manakala sejumlah 77.8% dalam kalangan mereka pula mengakui merasa selamat tinggal di kawasan perumahan

mereka (item 2) dan mempunyai pengetahuan tentang kedudukan laluan kecemasan sekiranya berlaku kebakaran (77.8% - item 3). Walaupun secara keseluruhannya keadaan keselamatan persekitaran perumahan mereka adalah sederhana, namun majoriti remaja yang tinggal di PPR masih memerlukan perhatian daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Oleh itu, pihak tersebut perlu merangka program-program pencegahan jenayah dalam kalangan komuniti PPR seterusnya memastikan keselamatan mereka terpelihara dan dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera.

Jadual 4. Peratusan dan bilangan item keselamatan persekitaran perumahan

| Item | Pernyataan keselamatan persekitaran perumahan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|------|--|-----------------------|--------------|---------------|---------------|
| | | Bilangan / Peratus(%) | | | |
| 1 | Saya rasa selesa dengan keadaan rumah saya | 18 (7.4) | 23 (9.4) | 90 (36.9) | 113 (46.3) |
| 2 | Saya rasa selamat tinggal di kawasan perumahan saya | 14 (5.7) | 40 (16.4) | 95 (38.9) | 95 (38.9) |
| 3 | Saya tahu dimana laluan kecemasan jika berlaku kebakaran | 14 (5.7) | 40 (16.4) | 104 (42.6) | 86 (35.2) |
| 4 | Jenayah banyak berlaku di kawasan persekitaran tempat tinggal saya | 26 (10.7) | 61 (25.0) | 97 (39.8) | 60 (24.6) |

Faktor yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan remaja di PPR

Merujuk kepada analisis regresi berganda yang dijalankan secara stepwise dengan menggunakan sampel kajian sejumlah 244, hasil kajian mendapati lima (5) faktor yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di PPR iaitu kesihatan diri, hubungan kejiranan, penggunaan media sosial, hubungan keluarga dan semangat cintakan Malaysia.


Jadual 5. Keputusan Ujian Regresi; Faktor-faktor utama mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan PPR

| Pemboleh ubah | Beta | R | R ² | F | Sig |
|----------------------------|------|------|----------------|-------|------|
| Kesihatan Diri | .498 | .498 | .248 | 74.23 | .000 |
| Hubungan Kejiranan | .312 | .579 | .335 | 56.26 | .000 |
| Pengunaan Media Sosial | .181 | .602 | .362 | 42.17 | .000 |
| Hubungan Keluarga | .180 | .620 | .385 | 34.75 | .000 |
| Semangat Cintakan Malaysia | .125 | .630 | .396 | 29.01 | .000 |

Berdasarkan analisis, secara signifikan, analisis menunjukkan bahawa kesihatan diri ($F(1225) = 74.23, p < .05$) menyumbang sebanyak 24.8 peratus varians ($R^2.248$) terhadap keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di PPR. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa faktor kesihatan diri ($\beta = .498, p < .05$) merupakan petunjuk utama yang mempengaruhi keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang menetap di PPR. Manakala kombinasi kesihatan diri ($\beta = .398, p < .05$) dan hubungan kejiranan ($\beta = .312, p < .05$) menyumbang sebanyak 8.7%, perubahan tambahan terhadap keselamatan persekitaran perumahan. Manakala faktor penggunaan media sosial dan hubungan keluarga serta semangat cintakan Malaysia pula menyumbang sebanyak 2.7%, 2.3% dan 1.1% varians terhadap keselamatan persekitaran perumahan. Kombinasi kelima-lima faktor peramal tersebut telah

menyumbang sebanyak 39.6% varians terhadap keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR. Rajah 1 menunjukkan faktor yang mempengaruhi aspek keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR.

Oleh itu, bagi menambah baik dan meningkatkan aspek keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR, maka faktor-faktor seperti kesihatan diri, hubungan kejrangan, penggunaan media sosial, hubungan keluarga dan semangat cintakan Malaysia perlu dipertingkatkan melalui program-program yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu aspek keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR. Aspek keselamatan menjadi keutamaan bagi menjamin kelestarian kehidupan penghuni perumahan PPR (Azita et al, 2015). Hubungan kejrangan yang baik mampu menjamin gejala sosial dan tingkah laku devian dapat dikurangkan dalam kalangan remaja kerana terdapat sokongan dan hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling (Nor Af'idah, 2014).



Rajah 1. Faktor yang mempengaruhi aspek keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR

Di samping itu, Baharuddin (2007) dalam kajiannya mengenai pengimplimentasian PPR di Semenanjung Malaysia mendapati penduduk PPR berpuashati dengan keadaan rumah dan persekitaran sosial di kawasan perumahan PPR dan ada dalam kalangan penghuni bercadang untuk membeli rumah PPR yang mereka duduki tersebut. Hal ini, membuktikan bahawa bukan sahaja golongan remaja berasa selesa dan selamat untuk menghuni di PPR, malahan golongan ibubapa dan penghuni lain juga berasa persekitaran PPR adalah selamat dan boleh didiami. Selari dengan dapatan oleh Noorzaimah (2015) yang melaporkan sebahagian penduduk PPR berpuas hati dengan struktur keselamatan dan kualiti kawasan perumahan tersebut. Menurut Zainuddin dan Abdul Malek (2010), aspek keselamatan di kawasan perumahan boleh dibentuk dengan wujudnya aktiviti rukun tetangga dan kejrangan seperti rondaan keselamatan, gotong royong dan seumpamanya. Namun, terdapat kajian lain yang mendapati penduduk kurang rasa selamat menghuni di kawasan perumahan murah masih rendah di mana banyak kejadian buruk seperti kecurian, pecah rumah berlaku sehingga menjejaskan keselamatan penghuni keluarga kawasan perumahan tersebut (Azita et al., 2015). Oleh itu, langkah awal untuk penambahbaikan perlu dilakukan agar kesinambungan kehidupan penduduk di PPR adalah lebih terjamin dan selamat.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa faktor persekitaran perumahan boleh memberi kesan ka atas faktor lain dalam memastikan kesejahteraan hidup remaja lebih baik dan berkualiti. Hal ini

juga menjadi bukti bahawa persekitaran sosial dan perumahan memainkan peranan penting untuk menjamin tingkah laku remaja sentiasa berada pada tahap yang baik dan terhindar daripada gejala sosial. Kajian ini sangat penting dilaksanakan kerana dapat membantu memberi petunjuk baharu kepada pihak-pihak yang berkepentingan berkaitan dengan kesejahteraan diri remaja yang tinggal di PPR dan seterusnya mengambil tindakan bersepadu untuk menyediakan strategi, program dan langkah-langkah meningkatkan kesejahteraan diri remaja agar tidak terjebak dengan permasalahan sosial negara. Seterusnya, agenda pembangunan negara akan lebih mudah dicapai dengan adanya warisan tenaga muda yang kompeten dan berkualiti.

Kajian ini boleh dilihat berupaya menyediakan sumber rujukan ke arah pemantapan modul pemerksaan diri remaja bagi tujuan meningkatkan kesejahteraan diri, potensi, bakat dan keupayaan mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup dan masa depan yang cemerlang. Seterusnya, kajian ini juga membantu pihak yang berkepentingan ke arah pemerksaan aset sosial positif remaja supaya mereka mempunyai minda yang sejahtera, berdikari dan mengamalkan gaya hidup sihat. Diharapkan kajian akan datang dilakukan dengan lebih meluas dan melibatkan ramai remaja bukan sahaja dalam kalangan mereka yang tinggal di PPR, tetapi juga dalam kalangan masyarakat yang lain.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui kod penyelidikan SK-2016-016. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, A.A.L. (2011). *Pengurusan keselamatan menyeluruh di tapak bina*. Johor Bahru, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hakim, M., Maimunah, S., & Maizan, B. (2006). *Pengurusan fasiliti*. Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2009). *Total facilities management*. United Kingdom, Wiley-Blackwell.
- Asmah Ahmad. (2005). Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 3-14.
- Azita Ali, Nor Hayati Abdul Halim, Mohd Safiee Idris, Kahirunnes Isa, Mohamad Suhaimi Sulong, Sarebah Warman & Ahmad Esa. (2015). Tahap keselamatan kediaman perumahan flat Taman Cendana: Satu kajian. *Prosiding Antarabangsa Kelestarian Insan Kali ke 2*. The Royal Bintang & Spa, Seremban.
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari (2010). Tingkah laku berisiko. Retrieved from: <http://eprints.utm.my>.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *ISLAMIYYAT*, 35(1), 111-119.
- Baharuddin Asek. (2007). *The peoples housing programme: A study on the implementation of Federal Government Housing in Peninsular Malaysia* (PhD dissertation). Retrieved from Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

- Brown, T.N., Tanner-Smith, E., Lesane-Brown, C., & Ezell, M. (2007). Child, parent and situational correlates of familiar ethnic/race socialization: Finding from the 1998-99 ECLS-K. *Journal of Marriage and Family*, 69,14-25.
- Chua, Y.P. (2012). *Kaedah penyelidikan*. Malaysia, Mc Graw Hill.
- Cohen, L.E., & Felson, M. (1979). Social change and crime rate trends: A routine activity approach. *American Sociological Review*, 44(4), 588-608.
- Conklin, J.E. (2007). *Criminology*. (9th ed.). Boston, M.A., Pearson Allyn & Bacon.
- Diekhoff, G. (1992). *Statistics for the social and behavioral sciences: Univariate, bivariate, multivariate*. U.S.A., Wm. C. Brown.
- Fergusson, D.M., Boden, J.M., & Horwood, L.J. (2006). Cannabis use and other illicit drug use: Testing the cannabis gateway hypothesis. *Addiction*, 101(4), 556-569.
- Kangjuan, L., Wang, J., & Wei, L. (2010). Study on the resident's satisfaction degree in the urban and rural fringe in China-Based on structural equation model. *Journal of Cambridge Studies*, 5(2-3), 42-54.
- Kellekci, O.L., & Berköz, L. (2006). Mass housing: User satisfaction in housing and its environment in Istanbul, Turkey. *International Journal of Housing Policy*, 6(1), 77-99.
- Lai, J.H.K., & Yik, F.W.H. (2011). An analytical method to evaluate facility management services for residential buildings. *Building and Environment*, 46(1), 165-175.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E.C., & Benson, P.L. (2005). Unleashing the power of community to strengthen the well-being of children, youth, and families: An asset building approach. *Child Welfare*, 84(2), 233-250.
- Mohamad Shaharudin Samsurijan, Mohd Yusof Hussain, Azima Abd. Manaf, Rosniza Aznie C.R., Novel, L., & Mohd Fuad M.J. (2017). Isu keselamatan dalam kesejahteraan komuniti 'kampung dalam bandar' di Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 112-120.
- Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50-73.
- Nor Af'idah Rameli. (2014). *Pengaruh persekitaran keluarga dan perumahan terhadap tingkah laku remaja di Ampang Jaya, Selangor* (Master dissertation). Retrieved from Universiti Putra Malaysia.
- Noorzaimah Adnan. (2015). *Kepuasan penghuni Program Perumahan Rakyat terhadap kualiti perumahan* (Master dissertation). Retrieved from Universiti Malaysia Sabah.
- Paris, D.E., & Kangari, R. (2005). Multifamily affordable housing: Residential satisfaction. *Journal of Performance Construction Facilities*, 138-145.
- Rafidah Aga Mohd Jaladdin & Izyan Masli. (2017). Resilience and emotional intelligence among students in two schools at KlangValley area. *UI Proceedings on Social Science and Humanities*.1.
- Ramdane, D., & Abdullah, A. (2000). Satisfaction level with neighbourhoods in low income public housing in Yemen. *Property Management*, 18(4), 230-242.
- Rohaya Ghani, Mastura Jaffar & Mohd Yahaya Mohd Daud. (2014). Faktor-faktor penentu kepuasan perumahan yang memberi kesan terhadap gelagat pembayaran caj perkhidmatan bagi perumahan bertingkat. *Jurnal Intelek*, 9(1), 52-62.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. *Akademika*, 87(1),7-16.
- Suzilynda Sukimin. (2008). *Persepsi terhadap kualiti dan kepuasan perumahan dalam kalangan pemilik rumah kos rendah di Kota Kinabalu Sabah Malaysia* (Master dissertation). Retrieved from Universiti Putra Malaysia.

- Student Partnership Worldwide & DFID-CSO Youth Working Group. (2010). *Youth participation in development: A guide for development agencies and policy makers*. London, Student Partnership Worldwide/DFID-CSO Youth Working Group.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2011). *Adolescence - An Age of Opportunity*.
- Vera-Toscano & Esperanza. (2004). The impact of Chilean fruit sector development on female employment and household income. *World Bank Policy Research Working Paper 3263*.
- Weidemann, S., Anderson, J.R., Butterfield, D.I., & Patricia, M. (1982). Resident's perception of satisfaction and safety: A basis for change in multifamily housing. *Environment and Behaviour, 14*, 695-724.
- Zainudin, A.Z., & Abdul Malek, J. (2010). *Keberkesanan program bandar selamat dari persepsi penduduk. Kajian kes: Bandaraya Shah Alam*. Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia & Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.